

5 saintis tempatan dipilih ke Jerman


Kuala Lumpur: Lima saintis muda tempatan dipilih mewakili negara ke mesyuarat Lindau Nobel Laureates Ke-65 yang akan diadakan di Lindau, Jerman pada 29 Jun ini.

Mereka adalah Dr Chin Kok Yong, 29, dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Amirah Abd Latif, 30, (Universiti Putra Malaysia), Liew Peng Yen, 26, (Universiti Teknologi Malaysia), Dr Haslina Ahmad, 31, (Universiti Putra Malaysia) dan Dr Oon Chern Ein, 32, (Universiti Sains Malaysia).

Timbalan Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Profesor Datuk Dr Asma Ismail, berkata mesyuarat itu sebagai landasan pendedahan kepada saintis muda terbabit untuk bertukar idea dan pendapat mengenai bidang sains dengan saintis dari seluruh dunia yang akan berkumpul pada mesyuarat itu nanti.

Katanya, kajian dan ilmu pengetahuan daripada saintis berkenaan mampu menjulang nama negara sekali gus menjadikan mereka sebagai idola di dalam dunia sains.

“Mereka dipilih daripada 25 penyertaan seluruh negara dan mesyuarat itu adalah langkah terbaik bagi saintis muda negara menimba pengalaman seterusnya menggunakannya bagi menghasilkan sesuatu yang



Dr Asma (tengah) beramah mesra dengan peserta pemilihan Saintis Muda Malaysia untuk menyertai dalam program pemilihan antarabangsa pada sidang media di Menara MATRADE, Kuala Lumpur.

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/ BH]

boleh dibanggakan.

Guna peluang keemasan

“Saintis kita juga perlu menggunakan peluang keemasan ini untuk membentuk satu komuniti dalam kalangan saintis luar negara. Paling penting adalah ilmu yang mereka peroleh ketika di Jerman nanti,” katanya pada sidang media di Menara MATRADE, di sini, semalam.

Asma berkata, ASM turut menghantar seorang pelajar Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) ke Sistem Analisis Gunaan (IIASA) Program Musim Panas Saintis Muda (YSSP) bermula pada 1 Jun bertempat di Vienna, Austria, selain tiga wakil pelajar

pelbagai universiti menghadiri Program Persidangan Pelajar CERN (CSSP) yang juga bermula serentak di Geneva, Switzerland.

“Kita mahu melahirkan saintis yang mampu berfikir di luar kotak, selain mempunyai idea sains yang menarik untuk diketengahkan seterusnya memperkenalkan kebolehan mereka kepada masyarakat.

“Saya berharap saintis kita akan mencipta nama di pentas dunia dan menjadi ikon negara satu hari nanti,” katanya.

Tangani halangan

Dalam pada itu, Pensyarah Farmakologi Universiti Kebangsaan

Malaysia, Dr Chin Kok Yong, 29, berkata ini adalah peluang terbaik untuk beliau mengetahui bagaimana saintis muda dari seluruh dunia menjalankan kajian dengan idea yang berbeza.

“Di Jerman nanti, saya hendak mempelajari sesuatu daripada saintis sama umur dengan saya. Sebagai contoh, bagaimana mereka menangani halangan yang ada ketika menjalankan kajian.

“Saya juga akan mempelajari teknik untuk terus mendalami ilmu di dalam bidang yang mencabar ini seterusnya berhasrat menaikkan nama negara ke per-sada antarabangsa,” katanya.